

170

TAZKIRAH MINGGU INI (T.M.I.): BANYAKKAN AMALAN DI HARI YANG KESEPULUH TERAKHIR RAMADAN

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 22 Ogos 2011 8:02

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

22 OGOS 2011/22 RAMADAN 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dikemukakan Tazkirah Minggu Ini (T.M.I) oleh Pusat Islam untuk renungan bersama:

Banyakkan Amalan Di Hari Yang Kesepuluh Terakhir Ramadan

Daripada Aisyah r.a. katanya: Rasulullah SAW memperbanyakkan amalan apabila sampai hari yang kesepuluh terakhir dari bulan Ramadan, baginda juga membangunkan isterinya agar beribadat (sembahyang sunat, membaca al-Quran, berzikir dan lainnya), Baginda juga menjauhkan diri daripada bergaul serta bernesra dengan isterinya."

(Riwayat: al-Bukhari dan Muslim)

Huraian Hadis:

1. Islam menuntut umatnya yang berpuasa agar berusaha untuk menambahkan amal ibadat mereka apabila masuk hari yang kedua puluh satu Ramadan sehingga akhir, kerana di malam-malam tersebut akan berlaku Lailatul Qadar.
2. Oleh itu adalah sangat digalakkan untuk kita memperbanyakkan amal ibadat beriktikaf di dalam masjid melakukan sembahyang-sembahyang sunat seperti sunat Taubat, sunat Tahajud, sunat Tasbih, sunat Hajat dan sebagainya selain daripada sunat Tarawih, membaca al-Quran dan berzikir.
3. Bagi para suami, inilah saatnya merebut peluang beribadah bersama keluarga dengan mengajak isteri mereka bangun beribadat bersama-sama. Mudah-mudahan rumah tangga yang dibina sentiasa aman dan mendapat rahmat daripada Allah SWT.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Ustazah Madiah binti Mohamed Ibrahim di talian 04-928 5806.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my